

CNS4649

R GB 20-05 00185 BB799

Bah

Mahathir - Badminton

PM BERI PERANGSANG KEPADA PEMAIN PIALA THOMAS NEGARA

ALOR SETAR, 20 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta barisan pemain badminton Malaysia yang akan bertarung dengan Indonesia dalam perlawanan akhir Piala Thomas di Istora Senayan, Jakarta, esok supaya tabah hati, yakin akan kebolehan diri dan mencuba bersungguh-sungguh untuk mencapai kemenangan.

"Kita memang mempunyai harapan...sehingga sekarang mereka dapat menunjukkan bahawa semangat dan keupayaan mereka tidak terjejas dan hanya yang diperlukan oleh mereka ialah mencuba bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kemenangan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa diminta memberikan kata-kata perangsang kepada pemain negara setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini dari Kuala Lumpur petang ini.

Beliau dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pulang untuk menyambut Hari Raya Aidiladha di kediaman mereka di Titi Gajah di sini.

Mengenai ganjaran untuk pemain Piala Thomas negara sekiranya mereka dapat mempertahankan piala berprestij itu, Dr Mahathir berkata: "usah kira ganjaranlah. Kita la ni tidak kira ganjaran, kira bangsa dan negaralah." --
Lagi

▼20/05/20-50MST

CNS4650

R GB. 20-05 00149 BB800

Bah

Mahathir - Badminton 2 (Akhir) Alor Setar

Katanya, tiada sesiapa yang menjanjikan apa-apa untuk para pemain itu kali ini tetapi seluruh negara berharap mereka akan betul-betul bersemangat untuk mencari kemenangan.

Sementara itu, di kediamannya petang ini, Perdana Menteri menyerahkan empat ekor lembu kepada empat wakil penduduk Titi Gajah; Lubuk Kawah, Jitra; Jeragan, Changloon dan Asam Jawa, Pendang; untuk upacara korban esok.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff, anggota Exco Kerajaan Negeri dan wakil peribadi Perdana Menteri di Kubang Pasu, Encik Saad Hashim.

Esok, Perdana Menteri akan menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir di sini dan selepas itu mengadakan rumah terbuka di Dewan Jitra di Jitra dari 10 pagi hingga 1 tengah hari dan dari 2 hingga 3 petang sebelum pulang ke Kuala Lumpur. -- Bernama.

BD OA